

26/02/2001

Biasiswa: Kerajaan tidak pilih kasih

Mahfar Ali in Kaherah

KAHERAH, Ahad - Kerajaan Pusat tidak mengamalkan diskriminasi dalam pemberian biasiswa atau pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN), kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Kita tidak ketepikan pelajar mana-mana universiti, termasuk Universiti al-Azhar," katanya pada sesi soal jawab selepas berucap pada majlis ramah mesra bersama pelajar Malaysia di Asrama Malaysia Abbasiah, di sini malam tadi.

Bagaimanapun, beliau berkata kerajaan tidak boleh berjanji semua pelajar akan menerima biasiswa atau pinjaman kerana pemberian bantuan itu juga mesti mengambil kira kelayakan pemohon serta pengiktirafan kursus yang diikuti.

Abdullah memberi penjelasan itu bagi menjawab soalan yang dikemukakan seorang pelajar tahun satu Universiti al-Azhar berhubung pemberian biasiswa untuk penuntut di universiti berkenaan.

Pelajar itu juga ingin mengetahui kenapa PTPTN yang diuruskan Kementerian Pendidikan, tidak menyalurkan pinjaman kepada pelajar di Universiti al-Azhar.

Pada masa ini, pelajar di Mesir dikatakan menerima bantuan Jabatan Agama Islam negeri atau ditanggung ibu bapa sendiri.

Bagaimanapun, bantuan itu dikatakan tidak mencukupi untuk membiayai perbelanjaan yang semakin meningkat, terutama kenaikan sewa rumah dan sejak krisis kewangan pada 1997 sesetengah negeri pula mengurangkan pemberian bantuan itu.

Malah, Berita Harian diberitahu sejak krisis kewangan itu, hampir 100 pelajar di Mesir terpaksa pulang ke tanah air kerana tidak mampu menanggung kos hidup di sini.

Kini, kira-kira 6,000 pelajar Malaysia menuntut di Mesir termasuk 3,000 di sini dan selebihnya di luar Kaherah.

Kebanyakannya terpaksa menyewa rumah kerana asrama yang disediakan kerajaan negeri cuma dapat menempatkan 1,500 pelajar dan 700 lagi di Asrama Malaysia Abbasiah.

Selain soal biasiswa, pelajar turut mengemukakan pelbagai perkara lain termasuk isu perpaduan Melayu dan wang ehsan untuk kerajaan Terengganu.

Abdullah menjelaskan bahawa isu perpaduan Melayu serius dan pada masa yang sama Umno tidak ketepikan sama sekali kepentingan perpaduan nasional.

Beliau mengakui Umno dan Pas mempunyai pendekatan berbeza dalam meningkatkan syiar Islam, tetapi menerusi pertemuan penyatuan Melayu kedua-dua parti mungkin dapat membincangkan perkara-perkara yang boleh difikirkan bersama.

Mengenai wang ehsan, Abdullah mengulangi jaminan Kerajaan Pusat bahawa wang berkenaan akan dibelanjakan sepenuhnya untuk penduduk Terengganu dan tidak diagihkan ke negeri lain yang turut menuntut sebahagian hasil Petronas.

"Itu sudah menjadi hak Terengganu dan kita akan membelanjakan wang itu untuk penduduk Terengganu menerusi agensi Kerajaan Pusat bagi memenuhi keperluan sama ada berkaitan dengan pendidikan, pertanian, perikanan atau bidang lain.

"Yang dipertikaikan ialah sama ada wang itu ditadbirkan Kerajaan Pusat atau negeri dan sama ada wang itu royalti sebenarnya.

"Mengikut tafsiran kita, wang itu berupa hasil Kerajaan Pusat menerusi

Petronas kerana minyak yang ditemui adalah di luar perairan Terengganu.

"Kerajaan Terengganu pula sedang memperhalusi perkara ini dari segi undang-undang," katanya.

Abdullah berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga sebelum ini bersetuju memenuhi syarat Pas supaya isu wang ehsan turut dibincangkan dalam pertemuan dengan Umno.

"Sementara perkara ini diselesaikan, sama ada menerusi undang-undang atau perbincangan, wang itu akan terus dibelanjakan untuk penduduk Terengganu," katanya pada majlis yang dihadiri kira-kira 1,000 pelajar.

Pertemuan itu diadakan sempena kunjungannya ke sini bagi menghadiri Sidang Kemuncak Kumpulan Lapan Negara Membangun (D8), hari ini.

Ini adalah lawatan pertama beliau ke Mesir sejak menjadi Timbalan Perdana Menteri.

Turut hadir, Menteri Luar, Datuk Sri Syed Hamid Albar dan Duta Malaysia ke Mesir, Datuk Abu Bakar Daud.

Bercakap kepada pemberita selepas perjumpaan itu, beliau yakin ucapan dan penjelasannya mendapat perhatian pelajar berdasarkan reaksi dan soalan yang dikemukakan.

"Saya memberi ceramah yang panjang dari biasa serta diikuti dialog dan tiada pelajar yang meninggalkan dewan," katanya yang menyampaikan ucapan serta diikuti dialog hampir dua jam.

(END)